

Am

S1. Apakah Connect Online?

J1. Connect Online adalah Perbankan Dalam Talian bagi Hong Leong Connect, jenama yang membawakan anda pelbagai perkhidmatan perbankan digital yang ditawarkan oleh HLB. Buat masa ini, **Hong Leong Connect** menawarkan Perbankan Dalam Talian, Perbankan Mobile melalui empat (4) platform telefon pintar – iOS, Android, Windows dan BlackBerry, serta Perbankan Tablet melalui iOS.

Connect Online boleh diakses 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, terdapat selang penyelenggaraan selama 15 minit antara pukul 11.55pm - 12.10am di mana pengguna hanya boleh melihat baki akaun dan membuat pindahan dana ke akaun sendiri atau akaun Hong Leong yang lain.

Nota: Ciri MACH & eProduk (bawah modul Apply) hanya disediakan antara jam 6am – 11.55pm.

S2. Siapakah yang layak mendaftar untuk Connect Online?

J2. **Connect Online** dibuka kepada semua pelanggan perbankan runcit Hong Leong Bank Berhad (HLBB) dan Hong Leong Islamic Bank (HLISB) yang memiliki akaun yang aktif.

S3. Apakah penambahbaikan yang baru untuk Connect Online?

J3. **Connect Online** yang baru menawarkan pengalaman perbankan yang senang dan mudah daripada pendaftaran/set semula kepada jalan pintas navigasi dan penyesuaian tetapan akaun anda melalui dalam talian.

S4. Apakah keperluan sistem minimum untuk menggunakan Connect Online?

J4. Kami mengesyorkan yang berikut sebagai keperluan sistem minimum:

- Pentium PC (233 MHZ atau lebih tinggi)
- Windows XP atau lebih baik
- Microsoft Internet Explorer 8.0. Walau bagaimanapun, kami amat mengesyorkan Internet Explorer 9.0 atau lebih tinggi untuk pengalaman pengguna yang optimum.
- Google Chrome versi 14 atau lebih tinggi
- Mozilla Firefox versi 4 atau lebih tinggi
- Safari versi 4 atau lebih tinggi
- Opera versi 10 atau lebih tinggi
- Pelayar internet yang asal pada telefon mobile dan tablet

S5. Apakah yang akan berlaku jika saya menggunakan pelayar internet lama yang tidak tersenarai di atas untuk mengakses Connect Online?

J5. Pelayar internet versi lama kurang stabil dan lebih mudah diserang virus, malware dan isu-isu keselamatan yang lain. Selain itu, keupayaan paparan pelayar internet versi lama adalah sangat terhad dan Connect Online tidak akan tampil mahupun berfungsi dengan cara yang sama dalam pelayar versi lama. Oleh itu kami amat mengesyorkan anda untuk menggunakan pelayar internet yang dinyatakan di atas untuk mengakses Connect Online bagi mendapat pengalaman pengguna yang optimum.

S6. Bolehkah saya mengakses Connect Online dari luar negara?

J6. Ya, Connect Online boleh diakses dari mana-mana sahaja di dunia melalui Internet. Anda hanya perlukan terminal komputer atau peranti elektronik peribadi dengan sambungan Internet dan pelayar Internet.

S7. Adakah terdapat sebarang yuran yang dikenakan apabila menggunakan Connect Online?

A7. Tiada bayaran yang dikenakan untuk menggunakan Connect Online. Walau bagaimanapun, bayaran perkhidmatan perbankan lain dikenakan bagi transaksi seperti Interbank GIRO (IBG), Pindahan Segera, Pembayaran Bil, Pemberhentian Cek dan Permintaan Penyata.

S8. Perlindungan keselamatan apakah yang disediakan oleh Bank kepada para pelanggan yang menggunakan Connect Online?

J8. HLB memiliki ciri-ciri keselamatan berikut:

- Enkripsi sehingga 256-bit dengan minimum 128-bit diupayakan oleh sijil SSL untuk transaksi dalam talian yang selamat.
- Kata Laluan huruf dan nombor 8-16 aksara bagi semua pelanggan Connect .
- PIN ATM / PIN ATM Kad Kredit / ID Sementara bagi pendaftaran atau set semula Connect. TAC akan digunakan sebagai kaedah tambahan untuk mengenalpasti bahawa anda yang memberi kebenaran untuk sesi/transaksi dalam **Connect Online**. TAC akan dihantar secara automatik ke nombor mobile berdaftar anda untuk mengesahkan sesetengah transaksi dalam talian, beberapa tetapan, pendaftaran dan set semula.

- Gambar Keselamatan untuk mengesahkan anda mengakses Connect Online yang asli
- Connect Online akan secara automatik log keluar jika tiada aktiviti dijalankan selepas beberapa lama.
- Connect anda akan dinyahaktifkan (dorman) jika anda tidak log masuk selama 12 bulan

Pendaftaran dan Set Semula

S9. Bagaimanakah saya mendaftar untuk Connect Online?


J9. Sebelum mendaftar, sila pastikan:

- 1) Anda telah mendaftar atau mengemaskinikan nombor mobile semasa anda untuk TAC di mana-mana cawangan atau ATM kami.
- 2) Anda juga akan memerlukan item ini semasa mendaftar untuk:

	<p>ATM/Kad Debit: No ATM/Kad Debit No PIN ATM TAC (Kod Pengesahan Transaksi)</p>
	<p>Kad Kredit:</p> <ul style="list-style-type: none"> - No Kad Kredit - No PIN Kad Kredit - TAC (Kod Pengesahan Transaksi)
	<p>Deposit Tetap atau Akaun Pinjaman:</p> <ul style="list-style-type: none"> - No Akaun - ID Sementara * - TAC (Kod Pengesahan Transaksi)

- Sila kunjungi mana-mana cawangan kami untuk meminta ID Sementara.

2) Apabila anda memiliki maklumat di atas , kunjungi laman web **Connect** di www.hongleongconnect.my dan klik pada "Daftar di sini" untuk mendaftar:






Nota: Apabila anda log masuk buat pertama kali, anda akan diminta melaksanakan "Tetapan Log Masuk Kali Pertama" untuk menyesuaikan akaun anda bagi Paparan Dalam Talian dan/atau Pindahan Dalam Talian

S10. Bagaimanakah saya log masuk Connect Online?

J10. Sila ikuti langkah berikut:

- 1) Di www.hongleongconnect.my, masukkan Nama Pengguna dan klik pada butang 'Berikut'.
- 2) Skrin masukkan Kata Laluan akan dipaparkan. Tandakan kotak tanda untuk mengakui gambar keselamatan dan masukkan Kata Laluan anda.
- 3) Klik butang 'Log masuk' untuk meneruskan log masuk.



S11. Apakah PIN ATM?

J11. Nombor 6 digit yang dipilih oleh anda untuk Kad ATM/Debit yang dikeluarkan kepada anda bawah akaun Semasa / Simpanan anda. Jika anda tidak memiliki PIN ATM sila kunjungi mana-mana cawangan kami untuk bantuan.

S12. Apakah PIN ATM Kad Kredit?

J12. Nombor 6 digit PIN ATM Kad Kredit. Apabila anda menerima mel yang mengandungi PIN/ melalui SMS, anda perlu mengubah nombor PIN di mana-mana ATM Hong Leong Bank sebelum anda boleh teruskan dengan pendaftaran. Sila hubungi Khidmat Pelanggan kami di talian 603-7626 8899 untuk meminta mel PIN/ melalui SMS.

S13. Apakah ID Sementara?

J13. ID 10 aksara yang terdiri daripada huruf dan nombor yang diberikan kepada anda apabila anda memintanya. Jika anda tidak memiliki ID Sementara, sila kunjungi mana-mana cawangan kami untuk bantuan. Untuk pelanggan di luar negara sahaja, sila hubungi Khidmat Pelanggan kami di talian +603 -7626 8899.

S14. Adakah terdapat tempoh sah untuk ID Sementara yang diberikan kepada saya?

J14. Ya, tempoh sah adalah 3 hari.

S15. Berapa lamakah masa yang diambil untuk saya menerima e-mel pengesahan ID Sementara jika saya tinggal di luar negara?

S15. 3 hari bekerja untuk memproses ID Sementara.

S16. Apakah TAC dan apakah kegunaan TAC?

S16. TAC bermaksud "Kod Pengesahan Transaksi". Ia merupakan kod keselamatan unik 6 digit yang digunakan untuk:

- Pendaftaran dan Set Semula Connect
- Tetapan dan penyelenggaraan akaun dalam talian
- Transaksi perbankan dalam talian tertentu

S17. Bagaimanakah cara untuk mendaftar atau mengemaskini nombor mobile saya untuk TAC?

S17. Anda boleh daftar atau kemas kini melalui:


- 1) Mana-mana ATM kami
- 2) Kunjungi mana-mana cawangan kami

Nota: Untuk pelanggan di luar negara sahaja, sila hubungi Khidmat Pelanggan kami di talian +603 -7626 8899.

S18. Saya terlupa Nama Pengguna / Kata Laluan, apa perlu saya lakukan?

J18. Anda boleh set semula Connect.

- 1) Sediakan item diperlukan yang sama mengikut pendaftaran, rujuk S9
- 2) Layari laman web Connect di www.hongleongconnect.my
- 3) Pilih "Lupa Nama Pengguna/Kata Laluan" pada skrin Log Masuk Selamat untuk set semula:



S19. Saya tidak boleh log masuk ke Connect? Apakah yang patut saya lakukan?

J19. Terdapat 2 kemungkinan:

- 1) Anda tidak log masuk selama 12 bulan dan menjadi dormant
- 2) Anda masukkan kata laluan, nama pengguna yang salah, atau kedua-duanya

Nota: Anda boleh set semula Connect, rujuk S18.

S20. Bolehkah saya menukar nama pengguna saya?

J20. Ya, anda boleh tukar nama pengguna dengan set semula **Connect** anda. Penting: Anda juga perlu menukar kata laluan. Sila rujuk S18 untuk proses set semula.

S21. Apakah yang boleh dilakukan jika saya mengesyaki akses tanpa kebenaran memasuki Connect saya?


J21. Terdapat 2 pilihan:

- 1) Anda dinasihatkan untuk menghubungi Khidmat Pelanggan kami secepat mungkin di talian +603-7626 8899 untuk menggantung akaun anda.
- 2) Anda juga boleh log masuk ke **Connect** Online untuk menukar Kata Laluan anda. Pilih "Tetapan" > "Tukar Kata Laluan".

Gambaran Keseluruhan

S22. Apakah cara paling cepat dan mudah untuk menavigasi dan mengakses fungsi biasa pada Connect Online?

S22. Sila cari bahagian "Pautan Pantas" di bahagian bawah mana-mana halaman selepas log masuk. Anda boleh menavigasi dan mengakses dengan mudah fungsi yang anda mahu lakukan dalam Connect Online melalui seksyen ini.



S23. Saya adalah pengguna Connect yang berdaftar dan memiliki kad kredit tambahan Hong Leong. Kenapakah saya tidak dapat lihat butiran kad kredit tambahan saya melalui Connect Online?

J23. Butiran kad kredit utama dan tambahan hanya boleh dilihat jika anda adalah pemegang kad kredit utama Hong Leong.

Bayar & Transaksi

Pindahan Akaun Sendiri / Pindahan Akaun Lain / Pembayaran Bil / Perkhidmatan Isian Semula

S24. Apakah kegunaan 'Pindahan Berulang' dalam Connect Online?

J24. 'Pindahan Berulang' adalah untuk pelanggan yang mahu menetapkan arahan bagi mengulangi transaksi yang sama secara Mingguan, Setiap Dua minggu, Bulanan, Sukuan, Setengah Tahun atau Setiap Tahun.

S25. Apakah kegunaan 'Uruskan Arahan Tetap (SI)' dalam Connect Online?

J25. 'Uruskan Arahan Tetap (SI)' adalah untuk pelanggan yang mahu melaksanakan 'Salin', 'Langkau' atau 'Batal' bagi 'Pindahan Berulang' yang mereka telah tetapkan.

'Salin' – untuk menyalin butiran transaksi SI yang berkaitan

'Langkau' – untuk melangkau 'Tarikh Proses Berikutnya' bagi SI yang berkaitan

'Batal' – untuk membatalkan baki jadual SI yang berkaitan

S26. Saya baru sahaja menerima pemberitahuan yang menyatakan bahawa transaksi saya "Sedang Di Semak", apakah maksudnya?

J26. Apabila kami mengesan sesuatu yang mencurigakan, daripada transaksi yang biasa dilakukan atau mungkin berlaku penipuan, ia akan diteliti semasa menunggu pengesahan selanjutnya. Ini merupakan ciri keselamatan tambahan yang dilaksanakan untuk melindungi semua transaksi yang dilakukan melalui Perbankan Dalam Talian Connect.

S27. Bagaimanakah ia berfungsi dan bagaimanakah transaksi saya akan terjejas?

J27. Anda tidak akan melihat apa-apa perbezaan dalam cara anda berurusan menggunakan Perbankan Dalam Talian Connect. Walaubagaimanapun, kami mungkin akan meminta pengesahan selanjutnya apabila transaksi tertentu dianggap mencurigakan.

S28. Apa yang menjadikan sesuatu transaksi itu mencurigakan?

J28. Ia berdasarkan kepada sejarah dan corak transaksi anda yang lalu. Kami akan memerhatikan sebarang transaksi akan datang yang kelihatan pelik atau luar biasa.

S29. Apa yang berlaku jika transaksi yang saya buat dianggap mencurigakan?

J29. Transaksi yang dianggap mencurigakan akan ditangguhkan sementara menunggu pengesahan selanjutnya. Anda akan menerima pemberitahuan bahawa transaksi anda "Sedang Di Semak".

S30. Berapa lamakah pindahan saya akan diletakkan dibawah "Sedang Di Semak"

J30. Ia tidak akan mengambil masa yang lama, pihak Bank akan memanggil anda untuk pengesahan dan seharusnya selesai dalam masa satu (1) jam. Walaubagaimanapun, jika anda tidak dapat dihubungi transaksi anda akan ditolak dan anda akan diberitahu melalui SMS.

S31. Bagaimana saya tahu samada transaksi saya berjaya atau tidak?

J31. Kami akan menghantar notifikasi melalui SMS atau Perbankan Dalam Talian Connect untuk memaklumkan status transaksi anda.

Pindahan ke Akaun Lain

S32. Apakah perbezaan antara Pindahan Pihak Ke-3 HLB, IBG, Pindahan Segera & DuitNow?

J32. Sila rujuk jadual di bawah:

Perkara	Perkhidmatan Pindahan Dana			
	HLB Pihak Ketiga	GIRO Antara Bank (IBG)	Pindahan Segera	DuitNow
Jadual Pindahan	Segera	Rujuk jadual di bawah	Segera (Tertakluk pada kesediaan sistem bank penerima)	
Bank-bank Penerima	HLB/HLISB	Semua bank yang mengambil bahagian		
Jenis Akaun Bank Penerima	Akaun Semasa / Simpanan, Kad Kredit, Akaun Pinjaman / Pembiayaan			Akaun Semasa / Simpanan
Had Pindahan	Tertakluk pada had jumlah transaksi dalam talian harian: Maksimum RM50,000.00 sehari	Tertakluk pada had jumlah transaksi (IBG, Pindahan Segera & DuitNow) dalam talian harian: RM50,000.00 sehari (kombinasi)		
Fi Pindahan	(Tidak Berkaitan)	RM0.00 setiap pindahan* (*Berkuatkuasa 1 July 2018)	RM0.00 setiap pindahan* (*berkuatkuasa 1 July 2018)	
Kelayakan	Pengguna Connect yang mempunyai akaun Semasa dan Simpanan			

PINDAHAN DANA IBG

Pembayaran Dimulakan oleh Pelanggan		*Dana Diterima oleh Penerima		*Bayaran Balik untuk Transaksi yang Gagal
(Hari Perniagaan)	Sebelum 5:00am	Hari Perniagaan Yang Sama	Sebelum 11:00am	Sebelum 5:00pm
	5:01am hingga 8:00am		Sebelum 2:00pm	Sebelum 8:20pm
	8:01 hingga 11:00pm		Sebelum 5:00pm	Sebelum 11:00pm
	11:01am hingga 2:00pm		Sebelum 8:20pm	Sebelum 11:00am (Hari Perniagaan Berikutnya)
	2:01pm hingga 5:00pm		Sebelum 11:00pm	
	Selepas 5:00pm	Hari Perniagaan Berikutnya	Sebelum 11:00am	Sebelum 5:00pm
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum Wilayah Persekutuan (Hari Perniagaan Berikutnya)		Hari Perniagaan Berikutnya	Sebelum 11:00am	Sebelum 5:00pm

* Dalam keadaan biasa

S33. Bolehkah saya melaksanakan pindahan dana jika tinggal di luar negara? Bolehkah saya mendapat Kod Pengesahan Transaksi (TAC) melalui telefon mobile luar negara?

J33. Ya, anda sekarang boleh menerima TAC dengan syarat anda telah mendaftar nombor mobile luar negara anda dengan kami.

S34. Adakah TAC diperlukan untuk pindahan dana melalui Connect Online?

J34.1. Sistem akan gesa pelanggan untuk memasukkan TAC apabila mereka melakukan pindahan dana / tambah nilai / bayaran kali pertama untuk Akaun Kegemaran / Bil / Tambah Nilai (akaun benefisiari berdaftar) melalui mana-mana fungsi di bawah.

- a. Pindahan ke akaun HLB pihak ketiga (pindahan antara bank)
- b. Interbak GIRO (PayNet IBG)
- c. Pindahan Segera (eIBFT)
- d. Pindahan Telegraf
- e. Pembayaran Bil (termasuk JomPAY)
- f. Tambah Nilai Prabayar

J34.2. TAC tidak diperlukan untuk pindahan dana berikutnya ke Akaun Kegemaran, kecuali untuk transaksi Tambah Nilai Prabayar. TAC diperlukan untuk semua tambah nilai, termasuk tambah nilai ke Tambah Nilai Kegemaran.

J34.3. Jika pengesahan TAC gagal semasa pindahan dana kali pertama ke Akaun Kegemaran, pindahan dana yang berikutnya yang dimulakan oleh pelanggan masih akan meminta pengesahan TAC. Walau bagaimanapun, jika pengesahan TAC berjaya bagi pindahan dana kali pertama tetapi transaksi ditolak (contohnya disebabkan akaun dorman, masa transaksi telah habis), pindahan yang berikutnya tidak lagi akan meminta pengesahan TAC.

J34.4. Pelanggan akan digesa untuk memasukkan TAC semasa melaksanakan pindahan bukan Kegemaran setiap kali jumlah amaun bergabung mencapai jumlah RM250 dan ke atas, dan selepas itu jumlah amaun bergabung akan ditetapkan semula kepada sifar. TAC hanya akan diperlukan apabila pelanggan mencapai had RM250 yang berikutnya. Kombinasi amaun dicapai menerusi jenis pindahan berikut:

- a. HLB Pihak Ketiga
- b. Interbank Giro (IBG)
- c. Pindahan Segera
- d. DuitNow
- e. Pembayaran Bil

S35. Adakah penerima akan tahu identiti orang yang memindahkan dana ke akaun mereka?

J35. Ya, nama anda mengikut Kad pengenalan / Pasport akan muncul pada penyata penerima.

Perkhidmatan Isian Semula

S36. Apakah jenis isian semula yang terdapat melalui Connect Online?

J36. Kategori isian semula utama yang terdapat pada **Connect Online** adalah Mobile Prabayar, Akses Internet, Kredit/Mata Permainan dan IDD & STD.

S37. Adakah terdapat bayaran tambahan apabila menggunakan Perkhidmatan Isian Semula?

J37. Tidak ada.

S38. Apakah yang berlaku jika saya tidak dapat lihat PIN isian semula?

J38. Terdapat 2 keadaan:

- 1) Isian semula berasaskan PIN - Pilih "Bayar & Transaksi" – "Lihat Sejarah". Klik nombor rujukan transaksi berkaitan dan anda boleh mendapatkan PIN isian semula anda di halaman ini.
- 2) Isian semula auto - Kaedah isian semula ini tidak memerlukan PIN. Anda dinasihatkan untuk memeriksa sama ada nombor mobile telah diisi semula. Jika nombor mobile berkenaan tidak diisi semula, anda boleh hubungi Khidmat Pelanggan kami di talian +603-7626 8899.

S39. Saya telah membeli produk isian semula yang salah. Bolehkah saya membatalkan transaksi ini?

J39. Tidak boleh. Jika anda telah beli produk isian semula yang salah dan mengesahkan pembelian apabila diminta, transaksi tidak boleh dibatalkan.

S40. Bolehkah saya mengisi semula Kad Debit Junior pihak ke-3?

J40. Tidak boleh. Buat masa ini, **Connect** Online hanya membolehkan isian semula ke kad Debit Junior milik sendiri.

Transaksi Dalam Talian

S41. Bolehkah saya melihat sejarah transaksi akaun pinjaman saya melalui Connect Online?

J41. Tidak boleh. Walau bagaimanapun, anda boleh melihat butiran ringkasan pinjaman anda yang disediakan.



S42. Berapakah bulan sejarah transaksi dalam talian dilaksanakan melalui Connect Online yang boleh saya lihat?

J42. Anda boleh lihat sejarah transaksi dalam talian sehingga 120 hari.

S43. Bolehkah saya muat turun sejarah transaksi dalam talian untuk tujuan rekod saya? Bagaimanakah cara untuk melakukannya?

J43. Ya, anda boleh muat turun transaksi dalam talian anda dalam format Excel.

Pergi ke “Bayar & Transaksi” -> “Transaksi Dalam Talian” -> “Lihat Sejarah” -> “Muat Turun CSV”



Penyata/Invois

S44. Bolehkah saya meminta e-penyata melalui Connect Online?

J44. Ya, anda boleh muat turun e-penyata selepas log masuk ke Connect Online.

Pergi ke “Penyata / Invois” > “Penyata Dalam Talian”

S45. Bolehkah saya meminta penyata saya dihantar melalui e-mel?

J45. Ya, anda boleh mendaftar atau mengemaskinikan alamat e-mel anda selepas log masuk ke Connect Online.

Pergi ke “Penyata / Invois” > “Tetapan” > “E-mel Penyata Langganan”.

Perkhidmatan Lain

Kad Debit / ATM

S46. Apakah kegunaan fungsi 'Cipta / Tukar PIN' bawah 'Kad Debit / ATM' pada Connect Online?

J46. Fungsi ini membolehkan anda mencipta PIN 6 digit bagi Kad Debit / ATM anda yang baharu ATAU menukar PIN sedia ada kepada PIN baharu. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Cipta / Tukar PIN' bawah 'Kad Debit / ATM'

S47. Apakah kegunaan fungsi 'Set Semula Pin Terlupa' bawah 'Kad Debit / ATM' pada Connect Online?

J47. Fungsi ini membolehkan anda set semula atau membuka sekatan PIN 6 digit Kad Kredit/Kad Debit anda melalui Connect Online.

Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Set Semula Pin Terlupa' bawah 'Kad Debit / ATM'

S48. Apakah kegunaan fungsi "Tukar Had Pengeluaran / Pindahan ATM" dalam Connect Online?

J48. Fungsi ini membolehkan anda menetapkan atau menukar had Pengeluaran ATM serta had pindahan ATM anda. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Tukar Had Pengeluaran / Pindahan ATM' bawah 'Kad Debit / ATM'

S49. Apakah kegunaan fungsi "Tukar Had Pembelian Runcit / Dalam Talian" dalam Connect Online?

J49. Had Transaksi Runcit adalah jumlah yang anda benarkan untuk didebitkan daripada akaun Semasa / Simpanan HLB apabila menggunakan Kad Debit bagi tujuan pembelian runcit di outlet peniaga dan pembelian melalui Internet. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Tukar Had Pembelian Runcit / Dalam Talian' bawah 'Kad Debit / ATM'

S50. Apakah kegunaan fungsi 'Tukar Tetapan Pengeluaran Luar Negara dan Kad Debit' dalam Connect Online?

J50. Fungsi ini membolehkan anda melanggan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh ATM / Kad Debit anda seperti di bawah:

- 1) Pesanan Mel / Telefon (MOTO) dan Auto Debit;
- 2) Pengeluaran ATM Luar Negara**;
- 3) Pembelian Runcit Luar Negara**; dan
- 4) Pembelian Internet Bukan-3D.

Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Tukar Tetapan Pengeluaran Luar negara dan Kad Debit' bawah 'Kad Debit / ATM'

**Untuk keselamatan tambahan, kami menggalakkan anda menyahaktifkan fungsi ini apabila anda kembali dari luar negara.

S51. Melaporkan Kad Hilang/Dicuri & Penipuan

J51. Fungsi ini membolehkan anda melaporkan kad debit Hilang/Dicuri atau jika anda mengesyaki aktiviti penipuan pada kad debit anda melalui Connect Online. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Melaporkan Kad Hilang/Dicuri & Penipuan' bawah 'Kad Debit/ATM'

Kad Kredit

S52. Apakah kegunaan fungsi 'Cipta / Tukar PIN' bawah Kad Kredit pada Connect Online?

J52. Fungsi ini membolehkan anda mencipta PIN 6 digit untuk Kad Kredit anda yang baharu ATAU menukar PIN sedia ada kepada PIN baharu. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Cipta / Tukar PIN' bawah 'Kad Kredit'

S53. Apakah kegunaan fungsi 'Set Semula Pin Terlupa' bawah Kad Kredit pada Connect Online?

J53. Fungsi ini membolehkan anda set semula atau membuka sekatan PIN 6 digit Kad Kredit melalui Connect Online. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain' > Klik pada 'Set Semula Pin Terlupa' bawah 'Kad Kredit'

S54. Apakah kegunaan fungsi 'Aktifkan Kad' bawah Kad Kredit pada "Perkhidmatan Lain"?

J54. Fungsi ini membolehkan anda mengaktifkan kad kredit baharu anda melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik pada 'Perkhidmatan Lain' dan klik 'Aktifkan Kad' bawah 'Kad Kredit'.

S55. Apakah kegunaan 'Permintaan Penggantian Kad' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J55. Fungsi ini membolehkan anda meminta penggantian kad melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik pada 'Perkhidmatan Lain' dan klik pada 'Permintaan Penggantian Kad' bawah 'Kad Kredit'.

S56. Apakah kegunaan 'Melaporkan Kad Hilang/Dicuri & Penipuan' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J56. Fungsi ini membolehkan anda melaporkan kad kredit hilang/diuri atau jika anda mengesyaki aktiviti penipuan pada kad kredit anda melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik 'Perkhidmatan Lain' kemudian klik pada 'Melaporkan Kad Hilang/ Dicuri & Penipuan' bawah 'Kad Kredit'.

S57. Apakah kegunaan 'Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J57. Fungsi ini membolehkan anda memberitahu bank tentang pelan perjalanan dan penggunaan kad di luar negara. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik 'Perkhidmatan Lain' kemudian klik pada 'Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara' bawah 'Kad Kredit'.

S58. Apakah kegunaan 'Tanya & Tebus Mata Ganjaran' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J58. Fungsi ini membolehkan anda memeriksa mata ganjaran kad kredit anda dan menebus ganjaran menggunakan mata ganjaran kad kredit anda melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik 'Perkhidmatan Lain' kemudian klik pada 'Tanya & Tebus Mata Ganjaran' bawah 'Kad Kredit'.

S59. Apakah kegunaan 'Tebus Ganjaran Kad Kredit Fortune' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J59. Fungsi ini membolehkan anda memeriksa mata ganjaran kad kredit Fortune anda dan menebus ganjaran menggunakan mata ganjaran kad kredit anda melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik 'Perkhidmatan Lain' kemudian klik pada 'Tebus Ganjaran Kad Kredit Fortune'.

S60. Apakah fungsi atau kegunaan "Permintaan Menambah Had Kredit" dibawah "Perkhidmatan Lain"?

J60. Fungsi ini membolehkan anda membuat permintaan bagi penambahan had kredit sementara atau kekal. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik "Perkhidmatan Lain" kemudian klik pada "Permintaan Menambah Had Kredit" dibawah Kad Kredit.

S61. Dimanakah saya boleh melihat aktiviti 'Perkhidmatan Lain' saya yang terdahulu dalam Connect?

J61. Anda boleh klik pada kotak 'Lihat Sejarah Permintaan Perkhidmatan' di bahagian bawah kanan paparan "Perkhidmatan Lain". Aktiviti anda yang terdahulu berkaitan 'Aktifkan Kad', 'Pemberitahuan Perjalanan Luar Negara', 'Permintaan Penggantian Kad', 'Melaporkan Kad Hilang/ Dicuri & Penipuan' & 'Permintaan untuk Meningkatkan Had Kredit' akan dipaparkan di sini.

Cek

S62. Apakah kegunaan fungsi 'Pertanyaan Status Cek' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J62. Fungsi ini membolehkan anda memeriksa jika cek yang anda keluarkan telah ditunaikan. Cuma log masuk ke akaun anda dan klik pada 'Perkhidmatan Lain' dan klik pada 'Pertanyaan Status Cek' bawah Perkhidmatan Lain

S63. Apakah kegunaan fungsi 'Permintaan Buku Cek' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J63. Fungsi ini membolehkan anda meminta buku cek melalui Connect Online. Cuma log masuk ke Connect Online dan pergi ke 'Perkhidmatan Lain' dan klik pada 'Permintaan Buku Cek' bawah 'Cek'

S64. Apakah kegunaan fungsi 'Permintaan Pemberhentian Cek' bawah 'Perkhidmatan Lain'?

J64. Fungsi ini membolehkan anda memberhentikan penunaian cek yang telah dikeluarkan daripada buku cek anda. Pergi ke 'Perkhidmatan Lain', klik pada 'Permintaan Pemberhentian Cek' bawah 'Cek'

Arahan / Mandat Debit Terus

S65. Apakah Arahan / Mandat Debit Terus

J65. Arahan / Mandat Debit Terus memaparkan senarai dan status arahan Mandat Debit Terus yang anda berikan kepada Bank untuk mengumpulkan / mendebitkan amaun yang dibilkan oleh pembil secara terus daripada akaun anda.

S66. Apakah yang dimaksudkan oleh status: Berjaya, Ditolak, Ditamatkan atau Tamat Tempoh?

J66. Hanya Mandat Debit Terus yang berjaya diproses ditunjukkan/ dipaparkan di sini. Sila hubungi pembil / peniaga jika anda tidak dapat lihat arahan Debit Terus yang anda telah buat.

S67. Apakah yang perlu saya lakukan jika status Mandat Debit Terus saya salah?

J67. Hubungi Khidmat Pelanggan kami di +603-7626 8899 dan kami akan siasat isu tersebut untuk anda.

S68. Di manakah saya boleh memohon Mandat Debit Terus?

J68. Anda boleh memohon Mandat Debit Terus daripada pembil / peniaga yang anda mahu membuat bayaran Debit Terus.

S69. Di manakah saya boleh menamatkan Mandat Debit Terus?

J69. Anda boleh menamatkan Mandat Debit Terus daripada pembil / peniaga yang anda telah membuat bayaran Debit Terus.

Tetapan

S70. Apakah had transaksi dalam talian? Bagaimanakah cara untuk menukarnya?

J70. Had transaksi dalam talian adalah jumlah yang anda benarkan untuk didebitkan secara terus daripada akaun Semasa / Simpanan HLB untuk transaksi yang dibuat melalui **Connect** dan transaksi yang dibuat melalui laman web peniaga. Secara asasnya ini adalah had bagi semua transaksi yang memerlukan anda log masuk ke **Connect**. Ini termasuk Pindahan HLB pihak ke-3, Pindahan Segera, IBG, Transaksi Bil/Runcit Dalam Talian, Isi Semula Prabayar, Pindahan HLeBroking, Isi Semula Kad Debit Junior, Peletakan Deposit Tetap MACH dan Pay Mobile.

Nota: Untuk mengubah had, pilih "Tetapan" – "Ubah Had Transaksi Dalam Talian". TAC diperlukan untuk melengkapkan permintaan ini.

S71. Apakah kegunaan fungsi "Suaikan Akaun Saya" dalam Connect Online?

J71. Ini adalah untuk menyesuaikan setiap akaun HLB anda sama ada:

- 1) boleh melihat dan melaksanakan transaksi dalam talian
- 2) boleh melihat dalam talian SAHAJA
- 3) tidak boleh melihat dan melaksanakan transaksi dalam talian

S72. Bolehkah saya menukar alamat pos untuk akaun pinjaman saya (Pinjaman Peribadi / Pinjaman Gadai Janji) melalui Connect Online? Bagaimanakah cara untuk melakukannya?

J72. Tidak boleh. Anda perlu mengisi Borang Permintaan Perkhidmatan di mana-mana cawangan kami untuk melaksanakan permintaan ini.

S73. Bolehkah saya mengemaskinikan butiran hubungan saya melalui Connect?

J73. Ya, anda boleh mengemaskinikan butiran hubungan anda dengan bank melalui Connect Online. Log masuk ke akaun Connect anda dan klik pada 'Tetapan', kemudian pilih produk yang ingin dikemaskinikan butiran hubungan anda. Masukkan TAC 6 digit yang dihantar ke telefon bimbit anda, dan klik 'Berikut' untuk teruskan. Ikut arahan langkah demi langkah untuk mengemaskini butiran anda.

S74. Jika saya mahu menghentikan akaun saya dalam Connect Online daripada melaksanakan transaksi, tetapi masih mahu melihatnya secara dalam talian. Apakah yang patut saya lakukan.

J74. Pegi ke "Perkhidmatan Lain" dalam Connect Online, klik "Suaikan Akaun Saya", tandakan "Benarkan Untuk Paparan Dalam Talian" dan buang pilihan "Benarkan Untuk Bayaran & Transaksi".

S75. Saya telah diminta untuk menyesuaikan akaun saya semasa saya log masuk kali pertama ke Connect Online. Apakah tujuan tetapan ini?

J75. Tetapan ini adalah untuk anda menyesuaikan akaun anda bagi Paparan Dalam Talian dan/atau Pindahan Dalam Talian. Anda boleh rujuk S48 untuk maklumat lanjut.

Mohon Produk Dalam Talian (e-Produk)

Nota: Mana-mana e-Produk tidak boleh dilaksanakan antara 12-6am.

Wasiat / Will Dalam Talian (e-Wasiat / e-Will disediakan oleh Amanah Raya Berhad)

S76. Apakah perkhidmatan yang disediakan apabila saya mendaftar untuk e-Will atau e-Wasiat melalui Hong Leong Connect?

J76. Dengan mendaftar untuk e-Will atau e-Wasiat melalui Hong Leong Connect, anda menyerahkan borang permohonan Wasiat Islam atau bukan Islam, Dokumen Wasiat Islam atau bukan Islam dan membayar Yuran Perkhidmatan Menulis Wasiat melalui Hong Leong Connect. Pelaksana Wasiat Islam atau bukan Islam anda adalah Amanah Raya Berhad.

S77. Apakah proses yang terlibat dalam permohonan e-Will atau e-Wasiat melalui Hong Leong Connect?

J77. Selepas berjaya membuat penyerahan dan pembayaran melalui dalam talian, anda akan menerima borang permohonan bercetak dan Dokumen Wasiat Islam atau Wasiat bukan Islam melalui pos ke alamat berdaftar anda.

Anda perlu membaca borang permohonan dan Dokumen Wasiat Islam atau bukan Islam untuk mengesahkan bahawa semua maklumat yang terkandung adalah betul. Jika betul, anda perlu menandatangani:

- * Wasiat bukan Islam di hadapan dua [2] orang saksi yang berumur 18 tahun dan ke atas, atau
- * Wasiat Islam di hadapan dua [2] orang saksi lelaki Islam yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Nota: Pastikan saksi-saksi menandatangani secara serentak sebagai saksi kepada tandatangan anda.

Anda perlu menghantar borang yang ditandatangani dan bersaksi bersama dengan satu salinan KP anda dan KP saksi menggunakan sampul surat balasan (sudah dibayar) kepada Amanah Raya Berhad.

S78. Bilakah saya akan menerima dokumen bercetak?

J78. Anda akan terima dokumen bercetak daripada Bank dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas pembayaran dibuat melalui Hong Leong Connect.

S79. Selepas menerima dokumen bercetak, bilakah saya perlu menyerahkan dokumen bertandatangan?

J79. Anda perlu menyerahkan dokumen yang lengkap dalam masa empat belas (14) hari bekerja selepas menerima dokumen.

S80. Bagaimanakah jika saya tidak mengembalikan langsung dokumen?

J80. Pelanggan yang tidak menyerahkan dokumen mereka kepada Amanah Raya Berhad tidak akan menerima nombor pendaftaran dan kad Wasiat Islam atau Wasiat bukan Islam mereka daripada Amanah Raya Berhad.

S81. Adakah saya perlu membayar bayaran pos?

J81. Tidak perlu. Bayaran pos telah dibayar oleh Bank.

J82. Bagaimanakah sekiranya saya tidak menerima dokumen bercetak?

J82. Anda boleh menghubungi kami di talian 03-7626 8899.

S83. Adakah ini selamat? Bolehkah sesiapa melihat e-Will atau e-Wasiat saya?

J83. Selagi anda tidak berkongsi nama pengguna dan kata laluan, hanya anda seorang sahaja yang mempunyai akses e-Will atau e-Wasiat. Perkhidmatan ini eksklusif untuk kegunaan anda sahaja dan penyerahan bagi pihak orang lain adalah tidak dibenarkan.

S84. Bagaimanakah saya boleh mengetahui sama ada permohonan e-Will atau e-Wasiat saya berjaya atau tidak?

J84. Anda akan terima kad Wasiat Islam atau Wasiat bukan Islam daripada Amanah Raya Berhad bersama dengan Borang Wasiat Islam atau Wasiat bukan Islam melalui pos ke alamat pos anda yang berdaftar.

S85. Bolehkah saya batalkan permohonan ini selepas saya membuat pembayaran?

J85. Tidak boleh. Bank akan memproses permohonan anda selepas pembayaran anda berjaya dilaksanakan. Anda hanya boleh membatalkan permohonan anda pada bila-bila masa sebelum pembayaran dibuat.

Deposit Tetap Dalam Talian (e-FD)

S86. Apakah eFD?

A86. eFD adalah Deposit Tetap tanpa resit yang boleh diletakkan dan dikeluarkan melalui Hong Leong Connect.

S87. Siapakah yang layak membuka akaun eFD?

J87. eFD terbuka untuk semua individu berumur 18 tahun ke atas yang memiliki Akaun Semasa atau Simpanan dengan Bank.

J88. Berapakah peletakan minimum?

J88. Peletakan minimum adalah seperti berikut:

Untuk 1 bulan – RM5,000

Untuk 2 bulan dan ke atas – RM500

S89. Bagaimanakah faedah eFD dibayar?

J89. Faedah akan dikreditkan ke dalam akaun yang dipautkan setiap bulan atau apabila matang.

S90. Adakah terdapat penalti bagi pengeluaran pramatang?

J90. Peraturan ABM digunakan bagi sebarang pengeluaran sebelum matang. Tiada faedah dibayar bagi pengeluaran pramatang 3 bulan dan ke bawah dan separuh daripada kadar kontrak untuk sebarang pengeluaran pramatang bagi FD lebih daripada 3 bulan.

S91. Bolehkah saya membuat pengeluaran separa untuk eFD?

J91. Pengeluaran separa tersedia bagi eFD. Jumlah pengeluaran minimum adalah RM1,000 dan hanya boleh dilakukan dalam gandaan RM1,000. Disamping itu, jumlah minimum sebanyak RM5,000 hendaklah dikekalkan dalam akaun deposit.

* *Termasuk resit promo eFD*

S92. Bolehkah saya membuka akaun eFD bersama?

J92. Akaun eFD bersama tidak disediakan.

S93. Bolehkah saya membuat pengeluaran eFD saya melalui kaunter?

J93. Pengeluaran eFD hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect.

S94. Adakah saya akan terima sebarang resit selepas peletakan/pembaharuan semula?

J94. Anda dapat melihat dan mencetak resit melalui Hong Leong Connect

J95. Adakah saya akan menerima penyata bulanan?

J95. Tidak.

S96. Adakah eFD layak untuk perlindungan oleh PIDM?

J96. Ya.

S97. Bolehkah saya mencagarkan eFD saya sebagai cagaran?

J97. eFD tidak boleh dijadikan cagaran.

S98. Apakah FPX?

J98. FPX adalah penyelesaian pembayaran dalam talian yang mudah dan selamat yang membolehkan pendebitan akaun perbankan Internet pelanggan dengan bank-bank yang menyertai FPX dalam masa sebenar.

S99. Bagaimanakah saya meletakkan eFD yang baharu melalui FPX?

J99. Anda perlu log masuk ke Connect Online anda menggunakan kelayakan log masuk anda dan ikuti langkah di bawah.

- i. Pilih Mohon
- ii. Pilih 'Cipta Akaun / Peletakan Baharu'
- iii. Pilih bank dana
- iv. Masukkan butiran
- v. Klik "Serah"
- vi. Lengkapkan Transaksi FPX dengan Bank terpilih

S100. Bagaimanakah saya mengeluarkan eFD saya?

J100. Cuma log masuk ke Connect Online anda menggunakan kelayakan log masuk anda dan ikuti langkah di bawah.

- i. Pilih Mohon
- ii. Pilih "Pengeluaran" dan Klik "Berikutnya"
- iii. Sahkan T&C dan Serah TAC
- iv. Klik "Serah"

Deposit Tetap Islam Dalam Talian (e-FDi)

S101. Apakah eFD-i?

A101. eFD-i adalah Deposit Tetap-i tanpa resit yang boleh diletakkan dan dikeluarkan melalui Hong Leong Connect. Ia merupakan produk islam yang berasaskan Komoditi Murabahah melalui konsep Tawarruq.

S102. Who is eligible to open an eFD-i account?

J102. eFD-i terbuka untuk semua individu berumur 18 tahun ke atas yang memiliki Akaun Semasa atau Simpanan dengan Bank.

S103. Berapakah peletakan minimum?

J103. Peletakan minimum adalah seperti berikut:

Untuk 1 bulan – RM5,000

Untuk 2 bulan dan ke atas – RM500

S104. Bilakah tarikh eFD-i saya berkuatkuasa?

J104. Tarikh kuatkuasa eFD-i adalah pada hari yang sama transaksi dilaksanakan.

S105. Bolehkah saya membuat pengeluaran separa untuk eFD-i?

J105. Ya, anda dibenarkan membuat pengeluaran separa dengan jumlah pengeluaran minimum sebanyak RM3,000 dan dalam gandaan RM1,000. Peletakan minimum yang layak untuk pengeluaran separa adalah RM8,000 bagi peletakan 1 bulan keatas dan RM3,500 bagi peletakan 2 bulan keatas.

S106. Bolehkah saya membuka akaun eFD-i bersama?

J106. Akaun eFD-i bersama tidak disediakan.

S107. Bolehkah saya membuat pengeluaran eFD-i saya melalui kaunter?

J107. Pengeluaran eFD-i hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect.

S108. Adakah saya akan terima sebarang maklumat selepas peletakan/pembaharuan semula?

J108. Butiran peletakan atau pembaharuan semula boleh dilihat di Hong Leong Connect. Sila ambil perhatian bahawa maklumat fizikal atau pembaharuan semula tidak akan dihantar kepada pelanggan.

S109. Adakah saya akan menerima penyata eFD-i fizikal selepas membuka akaun?

J109. Tidak, penyata fizikal tidak akan dihantar. Anda sentiasa boleh melihat penyata akaun eFD-i anda melalui Hong Leong Connect.

S110. Adakah ia dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

J110. Ya.

S111. Bolehkah saya mencagarkan eFD-i saya sebagai cagaran?

J111. eFD-i tidak boleh dijadikan cagaran.

S112. Bagaimanakah saya meletakkan eFD-i yang baharu melalui FPX?

J112. Sila rujuk J99.

S113. Bagaimanakah saya mengeluarkan eFD-i saya?

J113. Sila rujuk J100.

Pindahan Telegraf Dalam Talian (TT)

S114. Apakah TT dalam talian?

J114: TT dalam talian adalah pindahan dana dalam mata wang asing ke bank/agen yang berkaitan di luar Malaysia melalui Hong Leong Connect.

S115: Siapakah yang layak melaksanakan TT dalam talian?

J115: TT dalam talian dibuka untuk semua pengguna Hong Leong Connect.

S116: Apakah jumlah maksimum transaksi untuk sehari?

J116: Jumlah transaksi maksimum sehari ialah RM45,000.

S117: Bilakah saya boleh melaksanakan TT dalam talian?

J117: Transaksi boleh dilaksanakan dari 7:00AM hingga 11:00PM setiap hari. Bagi permintaan TT yang dibuat selepas 4:00PM, pada hujung minggu atau cuti umum Wilayah Persekutuan, transaksi akan diproses pada hari perbankan berikutnya.

S118: Bolehkah saya batalkan transaksi ini selepas saya berjaya membuat penyerahan?

J118: Tidak boleh. Sila pastikan semua butiran transaksi yang diberikan tepat dan dikemaskinikan kerana pembatalan adalah tidak dibenarkan selepas transaksi diserahkan.

Pindahan Baki

S119: Apakah Pindahan Baki?

J119: Pindahan Baki adalah produk kad kredit yang boleh dimohon secara dalam talian melalui Connect Online atau Aplikasi Connect.

S120: Bagaimanakah cara untuk memohon Pindahan Baki melalui Connect?

J120: Anda boleh memohon Pindahan Baki secara dalam talian melalui perbankan internet Connect atau melalui Aplikasi Connect. Ikuti langkah berikut:

Permohonan melalui perbankan internet Connect:

Log masuk ke akaun anda dan..

- i) klik 'Mohon' pada bahagian atas navigasi dan pilih 'Pindahan Dana'; atau
- ii) pada halaman masuk selepas log masuk, tatal ke bawah ke bahagian Kad Kredit dan klik pada 'Lihat Butiran'.

Anda akan ditunjukkan pelan Pindahan Baki dan amaun maksimum yang layak bagi anda.

Pilih salah satu pelan dengan mengklik butang radio. Isi butiran kad kredit bank lain yang anda mahu membuat pindahan baki. Masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirim status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan klik 'Berikut'.

Permohonan melalui Aplikasi Connect:

Log masuk ke akaun anda dan...

- i) taip 'Mohon' pada kotak sembang ATAU ketik pada 'Menu' dan kemudian ketik 'Pindahan Baki'; atau
- ii) pergi ke 'Gambaran Keseluruhan', pilih Kad Kredit, ketik pada 'Perkhidmatan Kad Kredit' dan kemudian ketik pada 'Pindahan Baki'

Anda akan ditunjukkan pelan Pindahan Baki dan amaun maksimum yang layak bagi anda.

Pilih salah satu pelan dengan mengklik butang radio. Isi butiran kad kredit bank lain yang anda mahu membuat pindahan baki. Masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirim status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan klik 'Berikut'.

S121. Bagaimanakah saya boleh mengetahui berapa banyak baki kad kredit yang saya layak untuk pindah melalui produk ini?

J121: Anda akan ditunjukkan amaun maksimum yang anda layak apabila anda mengklik 'Mohon', pilih 'Pindahan Baki' selepas anda log masuk ke perbankan internet Connect. Jika anda memohon melalui Aplikasi Connect, anda akan lihat amaun yang anda layak apabila anda ketik 'Menu', ketik 'Mohon' dan kemudian ketik 'Pindahan Baki'

S122: Bolehkah saya mohon Pindahan Baki untuk Kad Kredit Hong Leong saya?

J122: Tidak boleh. Anda hanya memindahkan baki dari kad kredit bank lain.

S123: Berapa banyak akaun kad kredit yang saya boleh buat pindahan kredit?

J123: Anda boleh buat pindahan baki sehingga 3 kad kredit bank lain selagi jumlah amaun masih dalam amaun Pindahan Baki yang anda layak.

S124: Bolehkah saya memindahkan baki dari kad kredit orang lain?

J124: Tidak boleh. Anda hanya boleh memindahkan baki dari kad kredit anda sendiri dengan bank lain.

S125: Adakah Pindahan Baki ini akan menjejaskan baki kad kredit Hong Leong Bank saya selepas Pindahan Baki saya diluluskan?

J125: Tidak. Walau bagaimanapun, had kredit anda akan terjejas. Ini kerana sebaik sahaja amaun Pindahan Baki yang diluluskan ditentukan, amaun had kad kredit Pemegang kad yang sama akan ditandakan bagi tujuan ini dan baki had kredit yang ada akan dikurangkan sewajarnya. Nombor akaun yang lain akan diwujudkan untuk produk Pindahan Baki anda. Pembayaran semula Pindahan Baki ini perlu dibuat ke akaun ini dan bukannya akaun kad kredit anda.

S126: Adakah wang akan dimasukkan ke akaun semasa/simpanan untuk saya buat sendiri pembayaran atau adakah pembayaran akan dibuat secara automatik ke kad kredit yang saya pilih untuk melaksanakan pindahan baki?

A126: Anda boleh memilih untuk wang dibayar secara terus untuk baki kad kredit anda di bank lain ATAU anda boleh pilih untuk wang dimasukkan ke akaun simpanan atau semasa anda di Hong Leong Bank atau bank lain di Malaysia. Jika anda mohon melalui Aplikasi Connect, anda hanya boleh memilih untuk wang membayar kad kredit anda dari bank lain.

S127: Berapa lamakah masa untuk memproses dan meluluskan permohonan selepas saya menyerahkan permohonan melalui dalam talian?

J127: Anda akan serta-merta dapat lihat salah satu status berikut selepas menyerahkan permohonan anda melalui Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect: Berjaya, Gagal atau Diterima untuk Diproses).

Jika anda menerima status '**Berjaya**' – dana anda akan disalurkan dalam masa 24 jam jika anda memilih untuk dimasukkan ke akaun semasa atau simpanan Hong Leong Bank. Jika anda pilih akaun semasa atau simpanan bank lain, dana akan disalurkan dalam masa 3 hari bekerja kerana ini bergantung pada jadual sistem memproses bayaran yang mengendali pindahan dana antara bank dan tertakluk pada padanan ID antara bank.

Jika anda menerima status '**Gagal**' – permohonan anda telah ditolak disebabkan oleh pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, isu dengan butiran akaun semasa atau simpanan yang anda telah masukkan dan sebagainya. Anda boleh cuba semula kemudian.

Jika anda menerima status '**Diterima untuk Diproses**' - permohonan anda sedang diproses untuk menentukan sama ada berjaya atau ditolak. Anda tidak dapat melihat status 'Berjaya' atau 'Gagal' dengan serta-merta kerana pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, penyelenggaraan berjadual harian dan sebagainya. Sila log masuk Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect kemudian untuk menyemak status permohonan anda. Anda juga akan menerima e-mel tentang status permohonan anda. Untuk memeriksa status permohonan anda, anda digalakkan untuk log masuk ke Connect Online atau Aplikasi Connect anda.

S128: Selepas permohonan saya berjaya, berapa lamakah masa diambil untuk baki dipindahkan dari kad kredit / atau wang disalurkan ke akaun saya?

J128: Ini bergantung pada jadual sistem pemprosesan bayaran yang mengendalikan pindahan dana antara bank. Selepas anda menerima e-mel yang menyatakan permohonan anda berjaya, dana akan mengambil masa sehingga 2 hari untuk disalurkan ke akaun semasa / simpanan anda atau bagi baki yang dinyatakan dalam kad kredit anda yang lain dibayar dan ini tertakluk pada pemadanan ID antara bank.

S129: Adakah yuran pemprosesan dikenakan apabila memohon dalam talian?

J129: Tidak. Yuran pemprosesan tidak akan dikenakan bagi amaun Pindahan Baki yang anda mohon.

S130: Bagaimanakah untuk mengetahui sama ada saya layak untuk memohon Pindahan Baki?

J130: Anda akan dapat lihat amaun yang anda layak di sebelah kad kredit anda selepas anda log masuk ke perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect. Bagi Hong Leong Connect Online anda boleh tatal ke bawah ke bahagian Kad Kredit pada halaman selepas log masuk. Klik 'Lihat butiran' ATAU klik 'Mohon' dan pilih 'Pindahan Baki'. Bagi Aplikasi Connect, anda boleh taip 'Mohon' pada kotak sembang ATAU ketik pada 'Menu' dan kemudian ketik 'Pindahan Baki'. Anda juga boleh pergi ke 'Gambaran Keseluruhan', pilih Kad Kredit, ketik pada 'Perkhidmatan Kad Kredit' dan kemudian ketik pada 'Pindahan Baki'

S131: Apakah Tawaran Hari Jadi?

J131: Tawaran Hari Jadi adalah pelan/promosi yang dicipta khusus untuk anda pada bulan hari jadi anda. Promosi ini akan ditawarkan pada bulan hari jadi anda dan akan tamat pada hari terakhir bulan tersebut. (Tawaran ini mungkin berbeza dari semasa ke semasa dan tertakluk pada budi bicara HLB)

S132: Adakah pelan / promosi Pindahan Baki sentiasa diadakan?

J132: Setiap Pelan / promosi yang anda lihat selepas anda log masuk ke perbankan internet Connect atau Aplikasi Connect mempunyai tarikh tamat. Pastikan anda periksa dan mohon sebelum tarikh tamat supaya tidak ketinggalan.

S133: Bagaimanakah ini menjejaskan baki kad kredit saya yang ditunjukkan pada Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect?

J133: Baki kad kredit anda akan mencerminkan penggunaan dan pembayaran kad anda yang sebenar. Walau bagaimanapun, selepas Kelulusan Pindahan Baki ditentukan, amaun yang sama pada had kad kredit Pemegang Kad akan ditandakan bagi tujuan ini dan baki had kredit yang ada akan dikurangkan sewajarnya.

S134: Bolehkah saya batalkan permohonan ini selepas saya berjaya membuat penyerahan?

J134: Pembatalan tidak dibenarkan selepas permohonan telah diserahkan. Sila pastikan semua butiran yang disediakan adalah tepat dan dikemaskinikan sebelum penyerahan.

S135: Di manakah saya boleh mengetahui lebih lanjut tentang Pindahan Baki yang ditawarkan oleh Hong Leong?

J135: Untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk pindahan baki Hong Leong Bank, anda boleh layari www.hlb.com.my dan mencari "Pindahan Baki".

Call-for-Cash**S136: Apakah Call-For-Cash?**

J.136: Call-For-Cash adalah produk kad kredit yang membolehkan anda memohon untuk membuat pengeluaran wang tunai daripada kad kredit Hong Leong Bank anda ke akaun simpanan atau semasa.

S137: Bagaimanakah cara untuk memohon Call-For-Cash?

J137: Anda boleh memohon secara dalam talian melalui perbankan internet Connect atau melalui Aplikasi Connect. Ikuti langkah berikut:

Permohonan melalui perbankan internet Connect:

Anda boleh memohon Call-For-Cash secara dalam talian melalui perbankan internet Connect atau melalui Aplikasi Connect. Ikuti langkah berikut:

Permohonan melalui perbankan internet Connect:

Log masuk ke akaun anda dan

i) klik 'Mohon' pada bahagian atas navigasi dan pilih 'Call-For-Cash'.

Atau

ii) pada halaman masuk selepas log masuk, tatal ke bawah ke bahagian Kad Kredit dan klik pada 'Lihat Butiran'.

Anda akan ditunjukkan amaun kelayakan maksimum yang anda boleh dapat daripada Call-For-Cash. Isikan butiran amaun yang anda mahu keluarkan dan butiran akaun simpanan atau semasa anda di Hong Leong Bank atau bank lain di Malaysia yang anda mahu salurkan wang (wang hanya boleh disalurkan ke akaun semasa atau simpanan individu anda di HLB). Akaun bersama atau milik tunggal tidak dibenarkan). Kemudian pilih tempoh Call-For-Cash anda masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirimi status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan klik 'Berikut'.

Permohonan melalui Aplikasi Connect:

Log masuk ke akaun anda dan

i) taip 'Mohon' pada kotak sembang ATAU ketik pada 'Menu' dan kemudian ketik 'Call-For-Cash'.

Atau

ii) pergi ke 'Gambaran Keseluruhan', pilih Kad Kredit, ketik pada 'Perkhidmatan Kad Kredit' dan kemudian ketik pada 'Call-For-Cash Plus'

Anda akan ditunjukkan amaun maksimum yang anda layak keluarkan melalui Call-For-Cash dan pilihan pelan anda. Isikan butiran amaun yang anda mahu keluarkan dan butiran akaun simpanan atau semasa anda di Hong Leong Bank atau bank lain di Malaysia yang anda mahu wang disalurkan. Masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirimi status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan klik 'Berikut'.

S138: Saya tidak mempunyai Kad Kredit dengan Hong Leong, bolehkah saya memohon Call-For-Cash?

J138: Anda perlu menjadi pemegang kad kredit Hong Leong Bank untuk memohon produk 'Call-For-Cash' kerana amaun akan dikeluarkan daripada had kredit sedia ada Pemegang Kad.

S139: Bagaimanakah saya boleh mengetahui berapa banyak yang saya boleh keluarkan melalui Call-For-Cash?

J139: Amaun akan dipaparkan kepada anda selepas anda log masuk:

- perbankan internet Connect apabila anda melihat butiran kad kredit anda ATAU apabila anda klik 'Mohon' dan kemudian klik 'Call-For-Cash'.
- Aplikasi Connect apabila anda ketik 'Gambaran Keseluruhan' pada butiran Kad Kredit ATAU ketik 'Menu', ketik pada 'Mohon' dan pilih 'Call-For-Cash'.

S140: Selepas menyerahkan permohonan, berapa lamakah masa yang diambil untuk meluluskan permohonan dan untuk saya menerima wang?

J140: Anda akan serta-merta dapat lihat salah satu status berikut selepas menyerahkan permohonan anda melalui Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect: Berjaya, Gagal atau Diterima untuk Diproses).

Jika anda menerima status '**Berjaya**' – dana anda akan disalurkan dalam masa 24 jam jika anda memilih ia disalurkan kedalam akaun semasa atau simpanan Hong Leong Bank. Jika anda memilih bank yang lain, dana akan disalurkan dalam masa 3 hari berkerja tertakluk kepada pepadanan ID diantara bank.

Jika anda menerima status '**Diterima untuk Diproses**' - permohonan anda sedang diproses untuk menentukan sama ada berjaya atau ditolak. Anda tidak dapat melihat status 'Berjaya' atau 'Gagal' dengan serta-merta kerana pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, penyelenggaraan berjadual harian dan sebagainya. Sila log masuk Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect kemudian untuk menyemak status permohonan anda. Anda juga akan menerima e-mel tentang status permohonan anda.

Jika anda menerima status '**Gagal**' – permohonan anda telah ditolak disebabkan oleh pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, isu dengan butiran akaun semasa atau simpanan yang anda telah masukkan dan sebagainya. Anda boleh cuba semula kemudian. Untuk memeriksa status permohonan anda, anda digalakkan untuk log masuk ke Connect Online atau Aplikasi Connect anda.

S141: Jika permohonan 'Call-For-Cash' saya diluluskan, wang akan disalurkan kemana?

J141: Anda boleh memilih wang disalurkan ke dalam akaun semasa atau simpanan anda di Hong Leong Bank atau mana-mana bank di Malaysia. Akaun bersama atau milik tunggal tidak diterima.

S142: Apakah amaun minimum yang boleh saya mohon?

J142: Amaun minimum yang boleh dikeluarkan melalui permohonan 'Call-For-Cash' adalah RM1,500 (amaun mungkin berbeza dari semasa ke semasa, tertakluk pada budi bicara HLB).

S143: Adakah saya akan dikenakan bayaran apabila memohon 'Call-For-Cash'?

J143: Yuran pengendalian sebanyak RM12.00 (yuran pengendalian =RM12.00) akan dikenakan bagi setiap permohonan Call-For-Cash bersama pelan kadar faedah bulanan.

S144: Bagaimanakah ini menjejaskan baki kad kredit saya yang ditunjukkan pada Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect?

J144: Had kredit sedia ada pada kad kredit anda akan dikurangkan untuk mencerminkan amaun yang telah ditanda untuk dikeluarkan melalui 'Call-For-Cash'. Amaun akan dibayar secara progresif tiap-tiap bulan melalui ansuran bulanan anda untuk 'Call-For-Cash'.

S145: Bolehkah saya batalkan permohonan ini selepas saya berjaya membuat penyerahan?

J145: Pembatalan tidak dibenarkan selepas permohonan telah diserahkan. Sila pastikan semua butiran yang disediakan adalah tepat dan dikemaskinikan sebelum penyerahan.

S146: Di manakah saya boleh mengetahui lebih lanjut tentang 'Call-For-Cash' yang ditawarkan oleh Hong Leong?

J146: Untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk pindahan baki Hong Leong Bank, anda boleh layari www.hlb.com.my dan mencari 'Call-For-Cash'.

Pelan Pembayaran Fleksi

S147: Apakah Pembayaran Fleksi?

J147: Pembayaran Fleksi adalah produk kad kredit yang boleh dimohon secara dalam talian melalui Connect Online atau Aplikasi Connect.

S148: Bagaimanakah cara untuk memohon Pelan Pembayaran Fleksi melalui Connect?

J148: Anda boleh memohon secara dalam talian melalui perbankan internet Connect atau melalui Aplikasi Connect. Ikuti langkah berikut:

Permohonan melalui perbankan internet Connect:

Log masuk ke akaun anda dan

i) klik 'Mohon' pada bahagian atas navigasi dan pilih 'Pelan Pembayaran Fleksi'.

Atau

ii) pada halaman masuk selepas log masuk, tatal ke bawah ke bahagian Kad Kredit dan klik pada 'Lihat Butiran'.

Anda akan ditunjukkan amaun kelayakan maksimum yang anda boleh tukar menjadi 'Pelan Pembayaran Fleksi'. Isikan butiran amaun yang anda mahu tukar kepada 'Pelan Pembayaran Fleksi', tempoh dan masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirim status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan klik 'Berikut'.

Permohonan melalui Aplikasi Connect:

Log masuk ke akaun anda dan

i) taip 'Mohon' pada kotak sembang ATAU ketik pada 'Menu' dan kemudian ketik 'Pelan Pembayaran Fleksi'.

Atau

ii) pergi ke 'Gambaran Keseluruhan', pilih Kad Kredit, ketik pada 'Perkhidmatan Kad Kredit' dan kemudian ketik pada 'Pelan Pembayaran Fleksi'

Anda akan ditunjukkan amaun maksimum yang anda layak tukar menjadi 'Pelan Pembayaran Fleksi'. Isikan butiran amaun yang anda mahu tukar kepada 'Pelan Pembayaran Fleksi', tempoh dan masukkan alamat e-mel anda. Alamat ini wajib kerana akan digunakan untuk mengirim status aplikasi anda. Terima Terma & Syarat dan ketik 'Berikut'.

S149: Saya tidak mempunyai Kad Kredit dengan Hong Leong, bolehkah saya memohon 'Pelan Pembayaran Fleksi'?

J149: Anda hendaklah pemegang kad kredit Hong Leong Bank yang sedia ada untuk layak memohon 'Pelan Pembayaran Fleksi'.

S150: Berapakah baki kad kredit yang boleh saya tukar menjadi 'Pelan Pembayaran Fleksi'?

J150: Amaun akan dipaparkan kepada anda selepas anda log masuk:

- perbankan internet Connect apabila anda melihat butiran kad kredit anda ATAU apabila anda klik 'Mohon' dan kemudian klik 'Pelan Pembayaran Fleksi'.
- Aplikasi Connect apabila anda melihat butiran kad kredit ATAU ketik 'Menu', ketik pada 'Mohon' dan pilih 'Pelan Pembayaran Fleksi'.

S151: Adakah saya akan dikenakan bayaran apabila memohon 'Pelan Pembayaran Fleksi'?

J151: Permohonan 'Pelan Pembayaran Fleksi' tidak dikenakan yuran.

S152: Selepas menyerahkan permohonan, berapa lamakah masa yang diambil untuk meluluskan permohonan dan baki ditukarkan kepada 'Pelan Pembayaran Fleksi'?

J152: Anda akan serta-merta dapat lihat salah satu status berikut selepas menyerahkan permohonan anda melalui Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect: Berjaya, Gagal atau Diterima untuk Diproses).

Jika anda menerima status '**Berjaya**' – baki kad kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan anda akan ditukar menjadi 'Pelan Pembayaran Fleksi' dalam masa 24 jam

Jika anda menerima status '**Diterima untuk Diproses**' - permohonan anda sedang diproses untuk menentukan sama ada berjaya atau ditolak. Anda tidak dapat melihat status 'Berjaya' atau 'Gagal' dengan serta-merta kerana pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, penyelenggaraan berjadual harian dan sebagainya. Sila log masuk Perbankan Internet Connect atau Aplikasi Connect kemudian untuk menyemak status permohonan anda. Anda juga akan menerima e-mel tentang status permohonan anda.

Jika anda menerima status '**Gagal**' – permohonan anda telah ditolak disebabkan oleh pelbagai sebab contohnya sistem terhenti, isu dengan akaun anda. Anda boleh cuba semula kemudian.

Untuk memeriksa status permohonan anda, anda digalakkan untuk log masuk ke Connect Online atau Aplikasi Connect anda.

S153: Bagaimanakah ini menjejaskan baki kad kredit saya yang ditunjukkan pada Perbankan Internet Connect / Aplikasi Connect?

J153: Baki kad kredit anda pada Perbankan Internet Connect dan Aplikasi Connect akan memaparkan baki sebenar berdasarkan penggunaan kad tolak amaun yang telah anda tukar menjadi 'Pelan Pembayaran Fleksi'. Nombor akaun yang lain akan diwujudkan untuk produk 'Pelan Pembayaran Fleksi' anda. 'Pelan Pembayaran Fleksi' membolehkan Pemegang Kad membayar balik transaksi runcit yang telah didebitkan ke akaun kad kredit Pemegang Kad dan/atau direkodkan dalam penyata kad kredit semasa menerusi ansuran bulanan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

S154: Bolehkah saya batalkan permohonan ini selepas saya berjaya membuat penyerahan?

J154: Pembatalan tidak dibenarkan selepas permohonan telah diserahkan. Sila pastikan semua butiran yang disediakan adalah tepat dan dikemaskinikan sebelum penyerahan.

S155: Di manakah saya boleh mengetahui lebih lanjut tentang 'Pelan Pembayaran Fleksi' yang ditawarkan oleh Hong Leong?

J155: Untuk mengetahui lebih lanjut, sila layari www.hlb.com.my dan cari 'Pelan Pembayaran Fleksi'.

Akaun Pelaburan-i (AP-i)

S156: Apakah Akaun Pelaburan-i?

J156: AP-i merupakan akaun dimana wang/prinsipal diletakkan dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi tujuan penyediaan kewangan, mengikut prinsip Syariah. AP-i boleh dilanggan dan ditebus melalui Hong Leong Connect.

S157: Siapakah yang layak bagi membuka AP-i?

J157: AP-i terbuka kepada setiap individu yang berumur 18 tahun keatas dan yang mempunyai akaun semasa atau simpanan Hong Leong.

S158: Apakah langganan minimum?

J158: Langganan minimum bergantung kepada produk AP-i dan akan ditunjukkan selepas memilih produk dan tempoh langganan.

S159: Bilakah tarik kuat kuasa langganan yang dilakukan melalui AP-i?

J159: Tarikh kuat kuasa langganan yang dibuat melalui AP-i anda adalah pada hari yang sama langganan dibuat.

S160: Bolehkah saya membuat penebusan separa melalui AP-i saya?

J160: Tidak, anda tidak dibenarkan membuat penebusan separa melalui AP-i

S161: Bolehkah saya membuat penebusan menggunakan AP-i saya sebelum tarikh matang langganan saya?

J161: Ya, anda dibenarkan menebus langganan yang dibuat melalui AP-i sebelum tarikh matang. Walaubagaimanapun, tiada keuntungan diberikan untuk penebusan awal.

S162: Bolehkah saya membuka AP-i bersama?

J162: AP-i bersama tidak tersedia.

S163: Bolehkah saya menebus langganan dalam AP-i saya di kaunter?

J163: Tidak, tebusan AP-i hanya boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect.

S164: Adakah saya akan menerima apa-apa resit selepas membuat langganan atau pembaharuan?

J164: Butiran langganan atau pembaharuan boleh dilihat melalui Hong Leong Connect. Sila maklum resit fizikal tidak akan dihantar kepada pelanggan.

S165: Adakah saya akan menerima penyata fizikal AP-i selepas membuka akaun?

J165: Penyata fizikal tidak akan dihantar. Anda boleh melihat atau memuat turun penyata AP-i anda melalui Hong Leong Connect.

S166: Adakah ia dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

J166: A-Tidak, AP-i tidak dilindungi oleh PIDM

S167: Bagaimanakah saya melakukan langganan menggunakan AP-i saya?

J167: Anda hanya perlu log masuk ke Connect Online dan mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Pilih "APPLY"

- ii. Pilih "Create Account/New Subscription" dibawah Investment Account-i (AP-i)
- iii. Lengkapi "Sustainability Assessment" (hanya perlu jika anda masih belum membuat Profil Risiko anda, atau ia telahpun tamat tempoh)
- iv. Pilih produk dibawah AP-i
- v. Masukkan butiran dan klik "Next"
- vi. Sahkan butiran, masukkan TAC dan klik "Submit"

S168: Bagaimanakah saya melakukan tebusan menggunakan AP-i saya?

J168: Anda hanya perlu log masuk ke Connect Online dan mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Pilih "APPLY"
- ii. Pilih "Redemption" dibawah Investment Account-i (AP-i)
- iii. Pilih "Redemption" bagi resit AP-i yang ingin ditebus
- iv. Sahkan deklarasi dan klik "Next"
- v. Masukkan TAC dan klik "Submit"

S169: Apakah Penilaian Kemampuan (Sustainability Assessment)?

J169: Penilaian Kemampuan digunakan untuk menyediakan Profil Risiko anda. Ia akan menjadi panduan bagi anda dalam memilih produk-produk Akaun Pelaburan-i yang bersesuaian dengan objektif, toleransi risiko, profil kewangan dan pengalaman pelaburan anda. Maklumat yang anda berikan akan menjadi asas kepada cadangan produk AP-i.

S170: Apakah tempoh sah Profil Risiko saya?

J170: Ya, profil risiko anda sah selama 2 tahun. Walaubagaimanapun, anda boleh mengambil semula Penilaian Kemampuan sebelum tamat tempohnya untuk mengemaskini profil risiko anda pada bila-bila masa dan apabila terdapat sebarang perubahan penting dalam maklumat anda seperti objektif pelaburan, sikap terhadap risiko pelaburan, jangkaan pulangan pelaburan dan pelan pengurusan kewangan anda

Credit Shield Premier

S171: Apakah itu Credit Shield Premier?

J171: Credit Shield Premier adalah produk insurans untuk pemegang kad kredit Hong Leong Bank. Ia menyediakan liputan untuk baki tertunggak kad kredit sekiranya berlaku kematian, kecacatan atau penyakit pemegang kad.

S172: Siapakah yang layak untuk memohon Credit Shield Premier?

J172: Credit Shield Premier terbuka kepada semua pemegang kad kredit Hong Leong yang berusia 60 tahun ke bawah.

S173: Bolehkah pemegang kad kredit utama dan tambahan memohon Credit Shield Premier?

J173: Tidak, anda mestilah menjadi pemegang kad kredit utama untuk memohon Credit Shield Premier.

S174: Bolehkah saya memilih mana-mana kad kredit saya untuk memohon Credit Shield Premier?

J174: Tidak, apabila anda memohon untuk Credit Shield Premier ia akan digunakan untuk semua kad kredit utama dan tambahan yang berkaitan.

S175: Bagaimanakah dengan kad kredit masa depan? Adakah saya perlu memohon Credit Shield Premier secara berasingan?

J175: Credit Shield Premier akan secara automatik diguna pakai untuk sebarang kad kredit utama dan kad tambahan yang berkaitan sebaik sahaja anda memohon untuk Credit Shield Premier.

S176: Bagaimanakah saya memohon untuk Credit Shield Premier?

J176: Anda boleh memohon Credit Shield Premier melalui Perbankan Dalam Talian Connect dengan mengikuti langkah-langkah di bawah:

- i. Log masuk ke Perbankan Dalam Talian Connect dan klik pada "Apply".
- ii. Pilih Credit Shield Premier
- iii. Klik "Apply Now"
- iv. Terima perisytiharan dan klik "Next"
- v. Sahkan dan masukkan butiran

S177: Bagaimanakah caranya untuk saya memeriksa status permohonan Credit Shield Premier saya secara online?

J177: Status permohonan anda akan dipaparkan dalam Perbankan Dalam Talian Connect dalam masa 2 hari bekerja. Untuk menyemak, log masuk dan klik pada "Apply", kemudian klik pada "Credit Shield Premier".

S178: Bilakah saya akan menerima sijil insurans saya?

J178: Sijil insurans anda akan dihantar ke alamat surat anda dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh efektif polisi anda.

Pengesahan Biometrik

S179: Bagaimanakah saya menyediakan peranti saya untuk Pengesahan Biometrik?

J179: Pengesahan Biometrik untuk Hong Leong Connect terdapat pada peranti Apple (iPhone 5s dan ke atas yang dikendalikan oleh iOS 8.0 dan ke atas) dan peranti Android (Samsung Galaxy S6 dan ke atas yang dikendalikan oleh OS 5.1.1 dan ke atas) sahaja. Anda perlu pastikan bahawa anda telah mendaftarkan cap jari anda pada peranti sebelum mendaftar untuk pengesahan biometrik di Hong Leong Connect.

S180: Apakah fungsi yang boleh disahkan melalui Biometric untuk Hong Leong Connect?

J180: Semua fungsi pantas seperti Pay Mobile, Scan & Pay, Pengeluaran ATM dan Instant Balance boleh diakses melalui Pengesahan Biometrik.

S181: Adakah Pengesahan Biometrik selamat?

J181: Pengesahan Biometrik untuk Hong Leong Connect bergantung pada Touch ID (pada iOS) dan Fingerprint (pada Android). Anda perlu menjaga peranti anda dan mengelakkan pengambilan cap jari selain daripada cap jari sendiri pada peranti. Semua cap jari berdaftar pada peranti akan dibenarkan untuk mengesahkan transaksi Hong Leong Connect. Sebagai langkah tambahan untuk menjaga akaun anda, pengesahan biometrik akan dilumpuhkan pada peranti yang telah diceroboh atau dibuka kunci.

S182: Bagaimanakah saya mendaftar Pengesahan Biometrik daripada akaun Hong Leong Connect saya?

J182: Anda boleh mendaftar untuk Pengesahan Biometrik daripada menu Tetapan dengan:

- i. Memilih opsiyen "Daftar Cap Jari"
- ii. Klik opsiyen "Daftar" untuk mendaftar pengesahan biometrik
- iii. Ketik cap jari anda pada butang "Ketik" untuk mendaftar cap jari anda
- iv. Klik opsiyen "Selesai" untuk melengkapkan proses pendaftaran

S183: Kenapakah saya masih diminta untuk memasukkan kata laluan selepas melaksanakan Pengesahan Biometrik?

J183: Pengesahan Biometrik adalah terhad kepada transaksi bernilai rendah sahaja. Terdapat had transaksi sebanyak MYR500 bagi pengesahan menggunakan biometrik. Sekiranya anda melangkaui had ini, anda akan diminta untuk memasukkan kata laluan sebelum mengesahkan transaksi. Ini adalah langkah keselamatan tambahan untuk melindungi akaun anda.

S184: Bagaimanakah saya membatalkan pendaftaran Pengesahan Biometrik daripada akaun Hong Leong Connect saya?

J184: Anda boleh membatalkan pendaftaran Pengesahan Biometrik daripada menu Tetapan dengan:

- i. Memilih opsiyen "Batal Daftar Cap Jari"
- ii. Memilih opsiyen "Device Maintenance" dan membebaskan peranti. Pendaftaran Biometrik anda dibatalkan sekiranya: a) Aplikasi Hong Leong Connect dihapuskan b) Peranti telah diceroboh / dibuka kunci.

DuitNow

S185: Apakah itu DuitNow?

J185: DuitNow adalah perkhidmatan baru yang membolehkan anda memindahkan wang atau dana kepada penerima ID DuitNow dan bukannya nombor akaun bank mereka. Anda juga boleh mendaftarkan ID DuitNow anda sendiri dan menghubungkannya ke akaun Hong Leong Bank anda untuk menerima pindahan dana segera dengan cara yang sama.

S186: Apa ID DuitNow yang boleh saya daftar?

J186: Anda boleh mendaftar satu atau lebih ID berikut dengan menghubungkannya kepada akaun semasa atau akaun simpanan Hong Leong Bank anda:

- i. Nombor telefon bimbit
- ii. Nombor Kad Pengenalan
- iii. Nombor Pasport (untuk warganegara bukan Malaysia)
- iv. Nombor Pendaftaran Perniagaan (untuk tujuan perniagaan)

S187: Bagaimanakah caranya untuk saya mendaftar ID DuitNow saya?

J187: Log masuk ke Perbankan Internet Connect. Pergi ke <“Settings” >“DuitNow”. Kemudian daftarkan ID DuitNow anda (Nombor telefon bimbit atau Nombor Kad Pengenalan) dengan akaun semasa/simpanan/-i Hong Leong Bank anda.

S188: Bagaimanakah caranya untuk saya menghantar dan menerima menggunakan DuitNow?

J188: Ikuti langkah-langkah dibawah:

Untuk menghantar DuitNow: Log masuk ke Perbankan Internet Connect. Cari DuitNow di menu utama, atau dibawah ‘Pay & Transact’, kemudian masukkan ID DuitNow penerima dan butiran transaksi yang lain.

Untuk menerima DuitNow: Daftarkan ID DuitNow anda dengan akaun semasa/simpanan/-i Hong Leong Bank anda dan sediakan pengirim dengan ID DuitNow anda.

S189: Apakah manfaat menggunakan DuitNow?

J189: Anda akan menikmati manfaat berikut apabila menggunakan DuitNow:

- i. Ia adalah percuma
- ii. Tidak perlu mengingati nombor akaun
- iii. Pindahan dana yang mudah dan segera dengan hanya menggunakan nombor telefon bimbit atau kad pengenalan
- iv. Cara yang selamat dan terjamin untuk memindahkan dana

S190: Bolehkah saya menghubungkan ID DuitNow saya ke lebih dari satu akaun?

J190: Tidak boleh. Setiap ID hanya boleh didaftarkan dengan satu akaun bank pada satu masa.

S191: Bolehkah saya menukar butiran pendaftaran ID DuitNow saya?

J191: Ya, anda boleh log masuk ke Perbankan Internet Connect untuk menguruskan tetapan ID anda.

S192: Bolehkah saya menjadualkan pindahan DuitNow pada mada depan atau secara berulang? J192:

Ya, anda boleh menjadualkan pindahan DuitNow melalui Perbankan Internet Connect.

S193: Bolehkah saya menyimpan ID DuitNow sebagai penerima Kegemaran?

J193: Ya, anda boleh menambah penerima DuitNow ke senarai Kegemaran anda untuk melakukan pindahan DuitNow yang mudah. Walaubagaimanapun, perkhidmatan ini hanya tersedia melalui Perbankan Internet Connect.

S194: Adakah terdapat had pindahan?

J194: Jumlah yang boleh dipindahkan bagi Pihak Ke-3 HLB, Interbank Giro (IBG), Pindahan Segera, Pindahan Telegraf, dan gabungan DuitNow adalah sebanyak RM50,000 sehari.

S195: Adakah terdapat sebarang yuran atau caj untuk pindahan DuitNow?

J195: RM0.50 dicaj untuk transaksi berjumlah kira-kira RM5,000. Walaubagaimanapun, pelanggan Hong Leong menikmati pengecualian yuran, oleh itu, anda tidak akan dikenakan caj untuk transaksi DuitNow bagi apa-apa amaun.